

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua

Sidang Akademik 1998/99

Februari 1999

HTV 201 - Teknik Berfikir

Masa: [2 jam]

Handwritten notes in the top right corner, including the number '202' and several mathematical calculations involving numbers like 2000, 200, and 20.

---

**KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI LAPAN [8] SOALAN DI DALAM TIGA [3] HALAMAN.**

Jawab SATU [1] soalan dari setiap Bahagian A dan Bahagian B.

Sila catatkan dengan jelas nama PENSYARAH/TUTOR yang mengendalikan tutorial anda di sudut kiri bahagian atas buku jawapan anda.

Bahagian A: [Jawab SATU [1] soalan sahaja.]

SAMA ADA

1. Negara masih lagi berada dalam cengkaman kegawatan ekonomi. Kuasa membeli rakyat tiba-tiba mengecil sedangkan harga barangan keperluan asas satu demi satu melambung tinggi; rakyat pula sukar mendapat maklumat tepat mengenai hubungan di antara kos pembinaan dengan kos jualan termasuk rumah-rumah kos rendah. Dengan menggunakan alat-alat berfikir yang telah anda kuasai, jelaskan apakah langkah-langkah yang boleh diambil dan bagaimana untuk mengubah paradigma pemikiran pemaju dan agensi-agensi kerajaan yang berkaitan supaya suasana ini menjadi lebih mesra rakyat berpendapatan rendah.

ATAU

2. Baru-baru ini Kementerian Kesihatan Malaysia telah melancarkan sebuah projek perintis yang dikenali sebagai konsep 'mesra-suami' (husband-friendly) di beberapa buah hospital bersalin di seluruh negara sebagai langkah untuk mengurangkan penderaan ke atas isteri dan kanak-kanak. Sehubungan itu hospital-hospital berkenaan mesti menyediakan wad-wad bersalin yang lebih sesuai untuk para suami menemani dan memberi sokongan moral dan spiritual kepada para isteri mereka yang akan melahirkan anak. Sebagai pakar rujuk kepada projek ini, anda diminta menyediakan design dan rekabentuk bilik bersalin yang sesuai untuk merealisasikan konsep ini di wad bersalin di hospital seluruh Malaysia.

...2/

**Bahagian B:** [Jawab **SATU** [1] soalan sahaja.]

3. Penggunaan perisian-perisian komputer yang dicetak rompak merupakan satu masalah yang semakin meruncing di Malaysia. Di samping penggunaannya yang kian meluas, perisian-perisian cetak rompak ini juga didapati dijual secara terbuka. Perkembangan ini amat membimbangkan kerana ia boleh menjadi satu lagi budaya negatif dalam masyarakat Malaysia. Dengan mengguna alat-alat berfikir yang sesuai, kemukakan satu cadangan untuk membendung kegiatan ini TANPA menghalang perkembangan budaya IT dalam kehidupan masyarakat Malaysia.
4. Terdapat 80% daripada jumlah pelajar Sekolah Rendah Kebangsaan Bukit Minden telah lulus ujian melompat kelas dari Tahun 3 ke Tahun 5 bagi tahun 1999. Walau bagaimanapun pihak pengurusan sekolah sedang menghadapi masalah kerana lebih 50% keluarga yang terlibat tidak membenarkan anak mereka dimasukkan ke kelas lompat tersebut. Sebagai Pengurus yang pro-aktif, Puan Guru Besar telah mengaturkan satu majlis penerangan bersama-sama Persatuan Ibubapa Guru kepada ibubapa yang terlibat. Anda sebagai pakar rujuk telah dijemput untuk menjayakan majlis tersebut. Dengan menggunakan alat-alat berfikir (CoRT) dan enam topi berfikir, kemukakan cadangan hujah yang berkesan supaya semua ibubapa terlibat akan bersetuju membenarkan anak-anak mereka mengambil bahagian dalam program kelas lompat di sekolah tersebut.
5. Perubahan dan pembaharuan dalam sesebuah negara harus dilakukan demi menjaga kestabilan politik, ekonomi dan sosial. Namun tidak semua yang mahu melakukan perubahan dan pembaharuan dalam sektor-sektor ini kerana mereka telah berpuashati dengan sistem yang sedia ada di samping menjaga *status quo* mereka. Rakyat telah sedar bahawa sesuatu harus dilakukan jika perubahan dan pembaharuan hendak dilakukan. Dengan mengguna alat-alat berfikir yang sesuai buat cadangan bagaimana, jika anda inginkan perubahan dan pembaharuan dijayakan di dalam bidang-bidang tersebut.
6. Anda telah diupah oleh sebuah syarikat farmaseutik sebagai pengurus pemasaran. Dalam keadaan kegawatan ekonomi, syarikat tersebut telah mengalami kerugian besar, dan anda diarah menyelesaikan masalah ini. Berdasarkan alat-alat CoRT, bincangkan langkah-langkah yang akan anda ambil untuk menyelamatkan syarikat berkenaan.
7. Dengan menggunakan asas-asas pemikiran kreatif, selesaikan masalah-masalah berikut:
  - [a] Halaman Web telah menjadi satu cara yang popular bagi penyampaian informasi terkini. Bincangkan secara kreatif penggunaan Web di kampus USM.

[b] Pihak USM telah membuat keputusan untuk menggantikan komputer-komputer peribadi berkuasa rendah yang terdapat di kampus USM dengan komputer-komputer peribadi yang lebih canggih dan berkuasa tinggi. Bincangkan secara kreatif penggunaan komputer-komputer peribadi yang berkuasa rendah yang akan digantikan itu.

8. Sekumpulan saintis Malaysia yang diketuai oleh anda telah berjaya mencipta bom nuklear sulung Malaysia. Anda memerlukan kebenaran dari Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar untuk membuat ujian peletupan bom tersebut di salah sebuah pulau di perairan Malaysia. Buat sebuah kertas cadangan untuk dibentangkan kepada Kabinet Malaysia dengan menjelaskan bahawa ujian tersebut selamat agar permohonan anda diluluskan.

-- oo000oo --